

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN
(KELANA JAYA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.03.2016

Y.B. TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) siapakah yang telah meluluskan penyaluran dana sebanyak RM42 juta daripada SRC International Sdn. Bhd. ke akaun peribadi milik Perdana Menteri tanpa pengetahuannya; dan
- (b) adakah kesemua wang berjumlah RM42 juta tersebut telah dikembalikan kepada SRC International Sdn. Bhd.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

SRC tidak mempunyai sebarang maklumat berkenaan isu ini dan ia juga adalah berdasarkan laporan berita oleh sebuah portal yang tidak dapat ditentukan kesahihan sumber beritanya. Sehubungan dengan itu, di bawah Peraturan Mesyuarat 23(1)(i), perkara ini tidak perlu dijawab kerana ia adalah satu pertanyaan yang meminta penerangan berkenaan perkara di dalam surat khabar.